Mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Kewangan
(Financial Markets Committee, FMC)
1 Oktober 2024
Bank Negara Malaysia

Ringkasan

Mesyuarat membincangkan perkembangan terkini pasaran ringgit, diikuti dengan kemas kini tentang inisiatif pembangunan pasaran termasuk peralihan KLIBOR serta strategi untuk mempertingkatkan pasaran bon dan sukuk domestik.

1. Perubahan dalam FMC dan keahlian Jawatankuasa Kecil Pasaran Kewangan Islam (Islamic Financial Market Subcommittee, IFMC)

1.1 Sylvia Wong dan Aida Mastura tidak lagi menjadi ahli FMC setelah meletakkan jawatan dari institusi masing-masing. Pengerusi FMC, Adnan Zaylani merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan atas sumbangan berharga mereka sepanjang tempoh perkhidmatan.

1.2 Shahredza Minhat akan menyertai IFMC sebagai ahli baharu dan mengambil alih tanggungjawab sebagai pengerusi bersama daripada Bilal bin Mohd Parid. Bilal akan terus berkhidmat sebagai ahli IFMC.

2. Perkembangan pasaran ringgit

2.1 Ringgit merupakan salah satu mata wang yang sedang menunjukkan prestasi terbaik pada peringkat global. Ringgit mengukuh kepada 14.4% berbanding dolar AS pada S3 2024 dan 11.4% pada asas sejak awal tahun sehingga kini. Hal ini didorong terutamanya oleh pengurangan kadar dasar sebanyak 50 mata asas oleh Fed AS serta trajektori yang lebih jelas berhubung dengan pengurangan selanjutnya. Walaupun dengan prestasi yang lebih kukuh, mesyuarat mengambil maklum perkembangan utama yang menyokong prestasi positif berterusan bagi ringgit seperti yang berikut:

(i) FMC mengambil maklum bahawa usaha terselaras yang berterusan oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menggalakkan penghantaran balik dan penukaran pendapatan pelaburan asing oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-linked Companies, GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (Government-linked Investment Companies, GLIC) dan syarikat korporat telah menyumbang kepada mudah tunai pasaran pertukaran asing (*foreign exchange*, FX) domestik

yang mencukupi, yang mencatatkan purata jumlah dagangan harian sebanyak USD17.6 bilion. Ahli FMC mengambil maklum bahawa pengaturan semasa boleh dikekalkan untuk memastikan mudah tunai yang lebih baik dalam pasaran FX tempatan.

(ii) Keyakinan pelabur terhadap Malaysia telah bertambah baik berikutan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh serta komitmen berterusan oleh Kerajaan terhadap pembaharuan struktur. Aliran masuk portfolio asing yang ketara juga diperhatikan pada S3 2024 berikutan prestasi KLCI yang kukuh dan spread MGS-UST yang semakin normal. Mesyuarat juga berpendapat bahawa libat urus yang kerap bersama pelabur oleh pihak berkuasa membuahkan hasil dalam meningkatkan kesedaran pelabur tentang Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik serta menekankan semula kepentingan dasar yang koheren dan konsisten secara berterusan.

(iii) Ahli mesyuarat berkongsi pemerhatian tentang perubahan amalan syarikat korporat berikutan pemulihan ringgit. Dalam kalangan pengeksport, terdapat perubahan sentimen yang membawa kepada minat yang lebih besar untuk menukar hasil eksport, manakala pengimport juga telah mengurangkan kecenderungan untuk membeli secara berlebihan dengan membeli kuantiti yang diperlukan sahaja untuk aktiviti perniagaan.

3. Peralihan daripada KLIBOR kepada MYOR/MYOR-i

3.1 Mesyuarat diberikan taklimat berhubung dengan penerbitan kertas perbincangan mengenai cadangan peralihan sepenuhnya kepada MYOR/MYOR-i dan penamatan KLIBOR secara kekal pada 27 September 2024. Cadangan ini dibuat susulan penilaian terhadap mudah tunai antara bank yang semakin tertumpu pada *tenor* semalaman serta penggunaan MYOR/MYOR-i yang kurang menggalakkan memandangkan KLIBOR masih lagi wujud. Cadangan ini menerima sokongan meluas daripada anggota institusi Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (Financial Markets Association Malaysia, FMAM).

3.2 Mesyuarat mengambil maklum bahawa tempoh untuk mendapatkan maklum balas akan berlangsung selama satu bulan (hingga 27 Oktober). Dalam tempoh tersebut, BNM akan mengadakan libat urus dengan persatuan dan organisasi yang berkaitan untuk mendapatkan maklum balas dan memastikan libat urus ini merangkumi semua pihak berkepentingan yang utama. Ahli mesyuarat juga

bersetuju untuk meningkatkan kesedaran tentang maklum balas ini dalam kalangan pelanggan dan pihak lain yang berkenaan.

4. Strategi untuk mempertingkatkan pasaran bon dan sukuk domestik

4.1 Mesyuarat berbincang tentang langkah-langkah untuk meningkatkan mudah tunai dan menambah jumlah pelabur dalam pasaran bon dan sukuk korporat. Dalam tempoh terdekat ini, inisiatif penting termasuk:

(i) Pengenalan urus niaga bon dan sukuk korporat sebagai sebahagian daripada penilaian usaha pembangunan pasaran dalam rangka kerja Principal Dealers (PD)

(ii) sesi libat urus bersama pihak berkepentingan industri yang utama bagi membiasakan pelabur bukan pemastautin dengan nama-nama korporat dan struktur sukuk Malaysia selain bon kerajaan Malaysia

4.2 Mesyuarat menyokong rancangan untuk FMC berkerjasama dengan Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia (Malaysian Investment Banking Association, MIBA) dalam forum pelabur-penerbit yang dijadualkan berlangsung pada tahun 2025. Matlamat forum pelaburan ini adalah untuk mengetengahkan dan menggalakkan kesedaran tentang peluang hijau dan lestari dalam sektor korporat.

4.3 Mesyuarat turut mengambil maklum tentang libat urus yang sedang diadakan dengan penyedia indeks bon utama dan pelabur asing bagi menggalakkan kemasukan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issues, MGII) dalam indeks bon global.